

NO. SOALAN : 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian akan meneruskan projek subsidi pengangkutan barangan bagi kedai-kedai di kawasan pedalaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek subsidi pengangkutan barangan yang dimaksudkan adalah Program Penyeragaman Harga di mana Kerajaan melantik transporter untuk mengangkut tujuh (7) barangan iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), Petrol RON 95 dan Diesel ke Point of Sales (POS) ataupun kedai-kedai di kawasan pedalaman. Program ini dilaksanakan sejak tahun 2009 sehingga kini.

Program ini telah memberi faedah kepada lebih 4.7 juta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah, Sarawak, Labuan dan beberapa kawasan di Semenanjung. Seperti yang kita semua sedia maklum, kawasan-kawasan pedalaman yang terlibat masih belum mempunyai kemudahan jalan raya yang sempurna dan sukar dihubungi kecuali melalui jalan balak, sungai atau laut. Oleh sebab itu, penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan tersebut terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan barang-barang keperluan.

Program Penyeragaman Harga ini, selain berjaya menstabilkan bekalan barangan keperluan ke kawasan berkaitan, barangan tersebut juga dapat dijual pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Melihatkan kepada impak program yang amat besar terhadap rakyat di kawasan pedalaman, Kementerian berpandangan program ini wajar diteruskan.